

▼16/12/18-44MST

CNS1905

U GB 16-12 00220 PA737

aab

Kajian - Mahathir
USAH MUDAH BERPUAS HATI, PM NASIHAT RAKYAT

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat agar tidak leka dan berpuashati dengan kejayaan yang dicapai oleh negara setakat ini.

Beliau menggesa mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah di dalam negara dan di peringkat antarabangsa, dengan terus mempertingkatkan produktiviti dan daya saing didorong oleh budaya kecemerlangan.

Ketika membentangkan Kajian Semula Separuh-Penggal Rancangan Malaysia Keenam (RME) di Dewan Rakyat di sini, Dr Mahathir berkata Malaysia dalam dekad yang lalu telah berjaya membentuk asas yang kuat dan kukuh ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berterusan dan asas tersebut kini berjaya disediakan.

Di bawah rancangan itu Kerajaan Persekutuan pada mulanya menyediakan belanjawan bagi pembangunan sebanyak RM55 ribu juta untuk tempoh 1991-95.

Katanya, rakyat boleh memandang masa depan dengan keyakinan lebih besar ke arah mencapai matlamat jangka panjang menjadi sebuah negara perindustrian yang maju sepenuhnya menjelang tahun 2,000.

" Bagaimanapun, saya ingin mengingatkan semua rakyat dari segenap lapisan bahawa dalam keghairahan menikmati kemajuan, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan kejayaan yang telah dicapai setakat ini. Kita mesti menghakis sikap ini kerana ini boleh menyebabkan kita leka dan mudah berpuas hati." ujar beliau. - lagi.

▼16/12/17-21MST

CNS1972

U GB 16-12 00136 PA739

aab

Kajian - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir menegaskan peri mustahaknya rakyat terus mempertingkatkan pencapaian mereka serta mengendali kejayaan dengan baik bagi membolehkan mereka membawa negara kepada kecemerlangan yang lebih tinggi dalam tahun-tahun akan datang.

"Kita perlu berusaha dengan lebih gigih meningkatkan prestasi dan pencapaian ekonomi yang boleh menjadikan Malaysia sebuah negara yang dikenali dan dihormati di kalangan masyarakat antarabangsa.

Untuk mencapai matlamat ini, Malaysia mesti memiliki sepenuhnya sebuah ekonomi yang kompetitif, dinamik, kukuh dan berdaya tahan, katanya.

Kerajaan, katanya, akan meneruskan peranannya dengan komitmen untuk menyediakan sokongan bagi ekonomi yang berkembang serta memenuhi tanggungjawab sosio-ekonominya.

Di samping itu sektor swasta, pula perlulah lebih inovatif dan dinamik bagi mendorong pertumbuhan dan menyumbang kepada matlamat sosio-ekonomi negara dalam semangat Persyarikatan Malaysia. - lagi.

▼16/12/18-02MST

Kajian - Mahathir 3 Kuala Lumpur

"Lebih penting lagi, kejayaan pembangunan ini akan bergantung kepada penyertaan seluruh rakyat Malaysia serta motivasi dan komitmen mereka untuk melaksanakan agenda pembangunan negara ke arah pencapaian cemerlang," kata beliau.

Dr Mahathir memberitahu Parlimen bahawa Malaysia sebenarnya telah mencapai pembangunan yang besar tetapi dalam memenuhi cabaran menjadikan Malaysia sebuah negara maju, rakyat perlu menyemai nilai-nilai serta sikap positif dan progresif.

Perdana Menteri menegaskan pencapaian kemajuan kebendaan serta kedudukan material saja tidak menjamin kestabilan dan kemakmuran jangka panjang.

Pembangunan ini mestilah diimbangi dengan kemajuan dalam aspek intelektual serta kebudayaan.

Ke arah ini, kerajaan akan mempergiat usaha untuk mengembangkan lagi budaya berasaskan ilmu dan moraliti, menggalakkan daya kreatif serta menanam dan menghayati nilai kesenian dan kebudayaan di kalangan rakyat.

Dalam usaha untuk mencapai status negara maju, aspek keagamaan dan kerohanian akan diberi penekanan yang seimbang.

Ini adalah penting memandangkan pegangan agama akan menyediakan rangka pemikiran yang murni untuk menjadikan seseorang itu berupaya mengelakkan diri dari terjerumus dalam kedurjanaan. - lagi.

▼16/12/18-21MST

CNS2015

U GB 16-12 00134 PA741

aab

Kajian - Mahathir 4 Kuala Lumpur

Dalam ucapannya selama 105-minit, Dr Mahathir berkata ciri penting dalam mencapai pertumbuhan lebih besar ialah nilai yang diberikan kepada kerja.

Dalam hubungan ini, etika kerja yang berhubung kait dengan kerja kuat, berdikari, berbangga dengan kejayaan, disiplin, dedikasi, kerajinan, kejujuran dan integriti akan melengkapi pelaburan modal, kemahiran dan kepakaran dalam proses pervujudan kekayaan.

Ini bersama nilai etika yang tinggi seperti toleransi, ramah tamah, penyayang dan asas agama dan moral yang teguh akan menjadi asas bagi perkongsian nilai-nilai ini di kalangan rakyat Malaysia.

"Bagi memastikan penerimaan nilai-nilai dan sikap yang positif di kalangan generasi muda yang akan menjadi pemimpin masa depan, peranan keluarga dan sistem persekolahan dalam membentuk dan memupuk sikap golongan muda akan diberi penekanan. - lagi.

▼16/12/18-35MST

CNS2023

U GB 16-12 00071 PA742

aab

Kajian - Mahathir 5 Kuala Lumpur

Terdahulu, ketika membentangkan kajian separuh penggal RME itu, Perdana Menteri "menyeru semua penduduk Malaysia daripada pelbagai lapisan hidup berusaha lebih gigih dan dengan hasrat pencapaian yang lebih teguh, ke arah membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing dan mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita negara di bawah Wawasan 2020. - Bernama.

▼16/12/18-42MST